

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TINDAKAN KE ATAS KES - KES ADUAN JKR 2017

Pengurusan aduan integriti adalah berdasarkan polisi *Whistleblowing* JKR. Polisi ini menerangkan proses pelaksanaan penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan dan tindakan yang akan di ambil ke atas mana-mana warga JKR yang terlibat.

Pada tahun 2017, Bal, CDPK telah menerima sebanyak 41 kes aduan dari pelbagai sumber seperti SPRM, JKR, Kontraktor, surat layang dan lain-lain. Jadual di bawah menunjukkan bilangan kes yang diterima dari tahun 2014 sehingga 2017. Purata kes yang diterima setahun adalah sebanyak 53 kes.

Tahun	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Bil. Kes	53	63	54	41	211

Setiap aduan yang diterima akan disiasat oleh Pegawai Integriti (PI) JKR dan Pegawai Penyiasat (Bal, CDPK) yang dilantik dan laporan siasatan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Tindakan ke Atas Kes-kes Aduan JKR (JKTA). Pada tahun 2017, sebanyak sembilan (9) kali mesyuarat JKTA diadakan seperti jadual berikut;

Bil Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
JKTA BIL. 1	20 Januari 2017
JKTA BIL. 2	02 Mac 2017
JKTA BIL. 3	04 April 2017
JKTA BIL. 4	29 Mei 2017
JKTA BIL. 5	13 Jun 2017
JKTA BIL. 6	25 Julai 2017
JKTA BIL. 7	24 Ogos 2017
JKTA BIL. 8	25 September 2017
JKTA BIL. 9	28 November 2017

Tanggungjawab Ahli Mesyuarat JKTA JKR adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab dalam kes aduan.
2. Mengenal pasti peraturan-peraturan yang tidak dipatuhi.
3. Mengkaji dan menilai laporan hasil siasatan kes-kes aduan yang disediakan oleh Urusetia.
4. Mengesyorkan tindakan yang bersesuaian dengan prosedur jabatan dan tindakan tatatertib mengikut garis panduan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2002.
5. Mengesyorkan penambahbaikan peraturan dan prosedur jabatan jika berkaitan.
6. Memperakunkan hasil laporan siasatan kes-kes aduan yang disediakan oleh urusetia.